A

Muhammad Izzudin bin Mazri lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-141–03 TAHUN 2019
HAS ZANAH MEHAT, DARRYL GOON DAN SEE MEE CHUN HHMR
27 JULAI 2023

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya — Perayu disabitkan dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu — Sama ada kegagalan memanggil informan awam/sumber menjejaskan kes pendakwaan — Sama ada elemen milikan dan pengetahuan perayu terhadap dadah dibuktikan — Sama ada maklumat diberikan perayu adalah keterangan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 — Sama ada hakim bicara terkhilaf dalam menolak pembelaan perayu

D

E

Berdasarkan maklumat, pada 30 September 2016, jam lebih kurang 5.30 petang, SP3 telah mengetuai serbuan bersama sepasukan anggota polis telah menuju ke tepi Jalan Murni 2/2, Taman Langat Murni, Bukit Changgang, Banting, Selangor di mana SP3 melihat seorang lelaki Melayu ('perayu') sedang menjinjit satu beg ('P10A') ditangan kanannya dalam keadaan yang mencurigakan. SP3 bersama pasukannya telah menghampiri perayu dan menahannya. SP3 memeriksa P10A dan mendapati di dalamnya terdapat dua ketulan mampat dedaun kering yang dibaluti dengan kertas timah disyakki dadah jenis ganja. Perayu kemudiannya telah membawa SP3 dan anggotanya ke rumah perayu. Perayu menunjukkan bilik ketiga di rumah tersebut dan menunjukkan satu beg ('P12A') di mana di dalamnya mengandungi empat ketulan mampat dedaun kering yang dibaluti dengan kertas timah disyakki dadah jenis ganja dan dua paket plastik lutsinar berisi dedaun kering disyakki dadah jenis ganja juga. Perayu telah ditangkap dan barang kes telah dirampas. Hasil analisa ahli kimia mengesahkan bahan-bahan tersebut adalah dadah berbahaya jenis cannabis seberat 1,433g dari P10A dan 854.57g dari P12A. Hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen-elemen yang diperlukan bagi membuktikan kes prima facie terhadap perayu dan perayu dipanggil untuk membela diri. Keterangan pembelaan perayu, antara lain, adalah: (a) dadah di dalam P10A adalah kepunyaan Tarmizi bin Abdul Rahim ('Tarmizi') yang merupakan rakan sekerja perayu. Perayu membawa dadah tersebut atas arahan Tarmizi untuk menyerahkan kepada kawan Tarmizi; dan (b) perayu tidak mengetahui bahawa dadah di dalam P12A ditemui oleh SP3 di dalam biliknya yang tidak pernah dikunci. HMT mendapati keterangan pembelaan telah gagal untuk

F

G

H

I

menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Perayu telah disabitkan dan didapati bersalah atas dua pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') dan telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati di bawah s 39B(2) Akta yang sama. Oleh itu, rayuan ini terhadap sabitan dan hukuman.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Jenis dan berat dadah telah dibuktikan berdasarkan keterangan pegawai kimia yang disokong oleh laporan kimia. Elemen pengedaran telah dibuktikan berdasarkan definasi s 2 Akta iaitu membawa dan menyimpan di mana perayu telah ditangkap semasa membawa P10A di dalamnya terdapat dadah dan perayu juga didapati menyimpan dadah dalam P12A dalam bilik tidur yang disewanya. Oleh kerana jumlah dadah yang banyak, anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(vi) Akta adalah terpakai (lihat perenggan 23–24 & 26).

(2) Walaupun HMT tidak menimbangkan isu berkenaan informan awam/sumber dalam penghakimannya, ini tidak sama sekali menjejaskan dapatan HMT di peringkat kes pendakwaan kerana informer atau sumber ini bukanlah saksi yang material kepada kes pendakwaan. Dalam rayuan ini peranan informan awam/sumber adalah sumbangan tidak aktif. Seksyen 40(1) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai kepada informan awam/sumber berdasarkan fakta kes ini. Oleh itu HMT tidak perlu menggunakan s 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pendakwaan kerana tidak membawa informan awam/sumber sebagai saksi atau menawarkannya kepada perayu. Kegagalan mengarahkan minda mengenai informan awam/sumber tidak menggugat dapatan HMT diperingkat kes pendakwaan. Oleh itu alasan yang dibangkitkan oleh perayu adalah tidak bermerit (lihat perenggan 31–33).

(3) Perayu mempunyai pengetahuan mengenai isi beg yang dibawanya adalah dadah berbahaya. Ini disokong oleh keterangan SP3 bahawa semasa ditangkap, perayu terkejut, dadah dijumpai dalam beg yang sedang dijinjit oleh tangan kanan perayu dan perayu berseorangan di tepi jalan raya. Semasa ditangkap dadah dalam P10A berada di tangan perayu dan P10A adalah beg jenis kain dan tanpa zip, oleh itu perayu boleh melihat isi kandungan beg yang di bawanya. Oleh itu dadah berada dalam kawalan, jagaan dan pengetahuan perayu. Tanpa menggunakan anggapan pengetahuan di bawah s 37(d) Akta, gerak geri dan tingkah laku perayu semasa ditangkap merupakan keterangan langsung dan menunjukkan perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut. HMT telah membuat keputusan yang betul apabila memutuskan bahawa dadah adalah berada dalam jagaan, kawalan dan

pengetahuan perayu semasa ditangkap. Oleh itu elemen pemilikan telah dibuktikan (lihat perenggan 36–38).

(4) Hujahan perayu bahawa keterangan untuk pertuduhan kedua yang diperolehi melalui pandu arah perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 tidak boleh digunakan sebagai keterangan kerana ianya jelas tidak mematuhi pra-syarat yang dikehendaki adalah tidak bermerit. Jagaan, kawalan dan pengetahuan perayu terhadap dadah dalam P12A disokong oleh keterangan dua rakan serumah perayu ('SP5' dan 'SP6'). Tiada orang lain yang mempunyai akses ke rumah sewa tersebut melainkan perayu dan SP5 dan SP6. Rumah tersebut juga mempunyai kunci yang hanya mereka bertiga yang mempunyai akses. Keterangan menunjukkan SP5 dan SP6 tidak pernah memasuki bilik ketiga walaupun semasa ketiadaan perayu. Oleh itu pihak pendakwaan berjaya membuktikan perayu mempunyai milikan, kawalan dan pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai di dalam bilik ketiga. HMT telah membuat keputusan yang betul apabila memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwaan setelah membuat penilaian secara maksima ke atas segala keterangan yang telah dikemukakan. Pendakwaan telah berjaya membuktikan segala intipati kedua-dua pertuduhan (lihat perenggan 40, 44–45, 49 & 52).

(5) Tiada sebarang cadangan kepada mana-mana saksi pendakwaan berkenaan Tarmizi ini terutamanya kepada pegawai penyiasat ('SP7') yang membolehkan penama Tarmizi ini disiasat oleh SP7 bagi membuktikan bahawa penama Tarmizi ini benar-benar wujud dan mempunyai kaitan dengan dadah yang dirampas dari perayu. Pembelaan juga tidak pernah menyoalbalas SP5 dan SP6 mengenai kewujudan Tarmizi yang perayu kata sering datang ke rumah sewa perayu. Malah SP5 dan SP6 menafikan dengan tegas sepanjang mereka tinggal disitu bahawa terdapat rakan perayu atau mana-mana orang diajak oleh perayu datang ke rumah tersebut. SD2 juga tidak dapat mengesahkan dakwaan perayu bahawa penama Tarmizi ini wujud. Selain itu, tidak munasabah untuk Tarmizi meninggalkan dadah tersebut di ruang tamu kerana rumah tersebut turut didiami oleh SP5 dan SP6. Seterusnya, keterangan perayu menghantar dadah di dalam P10A kerana Termizi membuat kerja lebih masa pada hari kejadian langsung tidak disokong oleh mana-mana saksi lain. Telefon bimbit yang didakwa tidak disiasat kandungannya oleh SP7, tidak mencacatkan kes pendakwaan dengan SP7 mengesahkan bahawa tiada sebarang maklumat yang diperolehi beliau bagi menjalankan siasatan terhadap telefon bimbit tersebut. Pembelaan perayu tidak menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan dan pihak pendakwaan telah membuktikan kedua-dua pertuduhan melampaui keraguan yang munasabah (lihat perenggan 54, 56 & 58–61).

[English summary

Based on an information, on 30 September 2016, at approximately 5.30pm, SP3 led a raid with a team of police officers headed to the side of Jalan Murni 2/2, Taman Langat Murni, Bukit Changgang, Banting, Selangor where SP3 saw a Malay man ('the appellant') holding a bag ('P10A') in his right hand in a suspicious manner. SP3 with his team approached the appellant and restrained him. SP3 examined P10A and found that inside there were two compressed pieces of dried leaves wrapped in tin foil suspected to be cannabis drugs. The appellant then took SP3 and his members to the appellant's house. The appellant showed the third room in the house and showed a bag ('P12A') in which there were four pieces of compressed dried leaves wrapped in tin paper suspected to be cannabis and two transparent plastic packets containing dried leaves suspected to be cannabis as well. The appellant was arrested and the case items were seized. The results of the chemist's analysis confirmed that the ingredients were cannabis drugs weighing 1,433g from P10A and 854.57g from P12A. The High Court judge ('HCJ') found that the prosecution succeeded in proving the elements required to prove a prima facie case against the appellant and the appellant was called to enter defence. The appellant's defence evidence, inter alia, were: (a) the drugs in P10A belonged to Tarmizi bin Abdul Rahim ('Tarmizi') who was a colleague of the appellant. The appellant brought the drug on Tarmizi's instructions to hand over to Tarmizi's friend; and (b) the appellant did not know that the drugs in P12A were found by SP3 in his room which was never locked. The HCJ found that the evidence of the defence had failed to raise reasonable doubt against the prosecution's case. The appellant was convicted and found guilty of two charges under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the Act') and was sentenced to death by hanging under s 39B(2) of the same Act. Hence, this appeal against the conviction and sentence.

Held, dismissing the appeal:

(1) The type and weight of the drug had been proven based on the chemical officer's evidence supported by the chemical report. The element of trafficking had been proven based on the definition of s 2 of the Act which was carrying and keeping where the appellant was arrested while carrying P10A containing drugs and the appellant was also found to be keeping drugs in P12A in the bedroom he rented. Due to the large quantity of drugs, the presumption of trafficking under s 37(da)(vi) of the Act was applicable (see paras 23–24 & 26).

(2) Although the HCJ did not consider the issue of public informers/sources in its judgement, this did not at all affect the findings of the HCJ at the level of the prosecution case because these informers or sources were not material witnesses to the prosecution case. In this appeal the role of public informant/source was passive contribution. Section 40(1) of the

Evidence Act 1950 was applicable to public informants/sources based on the facts of this case. Therefore, the HCJ did not need to use s 114(g) of the Evidence Act 1950 against the prosecution for not bringing public informants/sources as witnesses or offering them to the appellant. Failure to direct the mind about public informants/sources did not undermine the HCJ's findings at the prosecution stage. Therefore, the grounds raised by the appellant were without merit (see paras 31–33).

(3) The appellant had knowledge regarding the contents of the bag he was carrying were dangerous drugs. This was supported by SP3's evidence that during the arrest, the appellant was surprised, drugs were found in a bag that was being held by the appellant's right hand and the appellant was alone on the side of the road. At the time of arrest the drugs in P10A were in the appellant's hand and P10A was a cloth type bag and without a zipper, therefore the appellant could see the contents of the bag he was carrying. Therefore, the drugs were in the control, custody and knowledge of the appellant. Without using the presumption of knowledge under s 37(d) of the Act, the appellant's gestures and behaviour when arrested were direct evidence and showed that the appellant had knowledge about the drugs. The HCJ made the right decision when it was decided that the drugs were in the appellant's custody, control and knowledge at the time of arrest. Therefore, the element of possession was proven (see paras 36–38).

(4) The appellant's argument that the evidence for the second charge obtained through the appellant's direction under s 27 of the Evidence Act 1950 could not be used as evidence because it clearly did not comply with the required prerequisites was without merit. The appellant's custody, control and knowledge of drugs in P12A was supported by the evidence of the appellant's two housemates ('SP5' and 'SP6'). No one else had access to the rental house except the appellant and SP5 and SP6. The house also had a lock that only the three of them had access to. The evidence showed that SP5 and SP6 never entered the third room even in the appellant's absence. Therefore, the prosecution succeeded in proving that the appellant had possession, control and knowledge of the drugs found in the third room. The HCJ made the right decision when it was decided that the prosecution had succeeded in proving a prima facie case at the end of the prosecution's case after making a maximum assessment of all the evidence that had been presented. The prosecution had succeeded in proving the elements of both charges (see paras 40, 44–45, 49 & 52).

(5) There was no suggestion to any of the prosecution witnesses regarding Tarmizi, especially to the investigating officer ('SP7') that allowed Tarmizi to be investigated by SP7 to prove that Tarmizi really existed and was related to the drugs seized from appellant. The defence also never

questioned SP5 and SP6 about the existence of Tarmizi who the appellant said often came to the appellant's rented house. In fact, SP5 and SP6 firmly denied during their stay there that there were any friends of the appellant or any person invited by the appellant to come to the house. SD2 also could not confirm the appellant's claim that the name Tarmizi existed. In addition, it was not reasonable for Tarmizi to leave the drugs in the living room because the house was also inhabited by SP5 and SP6. Next, the appellant's testimony that he sent the drugs in P10A because Tarmizi was working overtime on the day of the incident was not supported by any other witness. The alleged mobile phone that was not investigated by the SP7, did not discredit the prosecution case with SP7 confirming that there was no information obtained by him to carry out the investigation on the mobile phone. The appellant's defence raised no reasonable doubt on the prosecution's case and the prosecution had proved both charges beyond reasonable doubt (see paras 54, 56 & 58–61).]

Kes-kes yang dirujuk

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)
DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 195, MP (dirujuk)
Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154, MR (dirujuk)
Mohamad Yazri bin Minhat v PP [2003] 2 MLJ 241 ; [2003] 2 CLJ 65, MR
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ Rep 221, MA (dirujuk)
Mr Losali v PP [2011] 4 MLJ 694, MR (dirujuk)
Ong Ah Chuan v PP; Koh Chai Cheng v PP [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181, MP; (dirujuk)
PP v Abdul Rahman bin Akif [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337, MP (dirujuk)
PP v Lim Hock Boon [2009] 3 MLJ 604; [2009] 3 CLJ 430, MP (dirujuk)
PP v Saimin & Ors [1971] 2 MLJ 16 (dirujuk)
PP v Ku Lip See [1981] 1 MLJ 258 (dirujuk)
Shohel lwn Pendakwa Raya [2022] MLJU 3065; [2022] 1 LNS 2812, MR (dirujuk)
Tan Ah Tee & Anor v PP [1980] 1 MLJ 49 (dirujuk)
Wan Yurillhami bin Wan Yaacob & Anor v PP [2010] 1 MLJ 749; [2010] 1 CLJ 17, MP (dirujuk)
Yeong Choong Hin v Pendakwa Raya [2016] MLJU 1748, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 37(d), (da), (da)(vi), 39B(1)(a), (2), Jadual Pertama
Akta Keterangan 1950 ss 27, 40, 40(1), 114(g)

Rayuan daripada: Perbicaraa Jenayah No 45A-48–05 of 2017 (Mahkamah Tinggi, Shah Alam)

Amirul Ridzuan bin Hanif (Nur Syafiah Athirah bersamanya) (Hanif & Co) bagi pihak perayu.
Abdul Ghafar bin Ab Latif (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Has Zanah Mehat HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENGENALAN

[1] Perayu/OKT ('perayu') telah disabitkan dan didapati bersalah atas dua pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') dan telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati di bawah s 39B(2) Akta yang sama. Perayu kini merayu terhadap kedua-dua sabitan dan hukuman tersebut:

PERTUDUHAN PERTAMA

Bahawa kamu pada 30 September 2016, jam lebih kurang 5.30 petang, bertempat di tepi Jalan Murni 2/2, Taman Langat Murni, Bukit Changgang, 42700 Banting di dalam Daerah Kuala Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah mengedar dadah berbahaya seberat 1433 gram Cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

PERTUDUHAN KEDUA

Bahawa kamu pada 30 September 2016, jam lebih kurang 5.30 petang, bertempat di rumah beralamat C1-13-06, Jalan Murni 2/3, Taman Langat Murni, Bukit Changgang, 42700 Banting di dalam Daerah Kuala Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah mengedar dadah berbahaya seberat 854.57 gram Cannabis dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[2] Kedua-dua pihak telah berhujah lisan dan juga merujuk kepada hujahan bertulis terhadap isu-isu yang dibangkitkan dan alasan dalam petisyen rayuan.

[3] Setelah mendengar hujahan lisan dan membaca hujahan bertulis mengenai alasan-alasan yang dibangkitkan dan setelah meneliti rekod rayuan dan alasan penghakiman HMT, kami dapati tidak terdapat kesalahan atau kesilapan jelas (*is not plainly wrong or erroneous*) dalam keputusan oleh HMT. HMT telah menilai dan menimbangkan semua keterangan di hadapannya dan telah membuat dapatan fakta berdasarkan semua keterangan tersebut sebelum membuat keputusan. Berdasarkan itu kami berpendapat sabitan terhadap tertuduh oleh Mahkamah Tinggi adalah selamat. Oleh itu kami telah menolak rayuan perayu. Di bawah adalah alasan kami.

KES PENDAKWAAN

[4] Berdasarkan maklumat, pada 30 September 2016, jam lebih kurang 5.30 petang, SP3 (Inspektor Mohd Alime bin Ab Rahman) ('SP3') telah mengetuai serbuan bersama sepasukan anggota polis telah menuju ke tepi Jalan Murni 2/2, Taman Langat Murni, Bukit Changgang, Banting, Selangor di mana SP3 melihat seorang lelaki Melayu sedang menjinjit satu beg kain berwarna putih-oren bertulisan 'PERDA' ditangan kanannya dalam keadaan yang mencurigakan.

[5] SP3 bersama pasukannya telah menghampiri lelaki Melayu tersebut dan telah memperkenalkan diri sebagai 'polis' dengan menunjukkan kad kuasa polis dan menahan lelaki Melayu tersebut dan SP3 telah merampas beg kain berwarna putih-oren bertulisan 'PERDA' yang dijinjit lelaki Melayu itu (lelaki Melayu tersebut adalah perayu).

[6] SP3 kemudiannya telah memeriksa beg kain putih-oren bertulisan 'PERDA' tersebut dan mendapati di dalamnya terdapat dua ketulan mampat dedaun kering yang dibaluti dengan kertas timah disyaki dadah jenis ganja. Pemeriksaan ke atas badan perayu tidak menjumpai apa-apa barang salah. perayu kemudiannya ditangkap.

[7] Perayu kemudiannya telah membawa SP3 dan anggotanya ke rumah perayu di alamat C1-L3-06, Jalan Murni 2/3, Taman Langat Murni, Bukit Changgang, Banting, Selangor yang terletak lebih kurang sepuluh meter dari tempat perayu ditangkap.

[8] SP3 kemudiannya mendapati pintu gril rumah tersebut berkunci namun pintu papannya dalam keadaan terbuka sedikit.

[9] Menggunakan kunci yang dirampas dari poket seluar sebelah kanan hadapan yang dipakai perayu, SP3 telah membuka pintu gril tersebut dan masuk ke dalam rumah.

[10] Perayu kemudiannya telah menunjukkan bilik nombor tiga di sebelah kiri rumah tersebut dan menunjukkan satu beg berwarna coklat bertulis 'Louis Vuitton' di mana di dalamnya mengandungi empat ketulan mampat dedaun kering yang dibaluti dengan kertas timah disyaki dadah jenis ganja.

[11] Turut dijumpai di dalam beg tersebut adalah dua paket plastik lutsinar berisi dedaun kering disyaki dadah jenis ganja juga.

[12] Perayu yang telah ditangkap dibawa ke balai polis dan barang kes yang telah dirampas oleh SP3 diserahkan kepada pegawai penyiasat kes ('SP7'). A

[13] Barang kes yang disyaki dadah itu telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia dan hasil analisa ahli kimia ('SP2') mengesahkan bahan-bahan tersebut adalah dadah berbahaya jenis cannabis seberat 1,433g (dari beg 'P10A') dan 854.57g (dari beg 'P12A'). B

[14] Barang-barang kes iaitu beg kain putih-oren dengan tulisan PERDA yang dijinjit oleh perayu semasa ditangkap telah dikemukakan dan ditandakan sebagai P10A dan beg coklat Louis Vuitton yang dijumpai dalam bilik nombor tiga di kemukakan sebagai eksh P12A. Dadah-dadah dalam beg tersebut dan lain-lain ekshibit telah dikemukakan seperti yang terdapat dalam senarai ekshibit dalam rekod rayuan. Pengemukaan ekshibit tidak menjadi isu dalam rayuan ini. C D

DAPATAN HMT DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[15] Setelah meneliti dan membuat penilaian secara maksimum ke atas keseluruhan keterangan pihak pendakwaan, HMT telah mendapati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen-elemen yang diperlukan bagi membuktikan kes prima facie terhadap perayu. Dengan itu HMT telah memanggil perayu untuk membela diri. Secara ringkas alasan HMT di akhir kes pendakwaan adalah: E F

(i) bagi pertuduhan pertama, dadah berada dalam kawalan, jagaan dan pengetahuan perayu apabila semasa ditangkap dadah dalam beg P10A berada di tangan perayu dan beg P10A jenis kain dan tanpa zip dan perayu boleh melihat isi kandungan beg yang dibawanya;

(ii) bagi pertuduhan kedua, beg P12A yang telah ditemui di bilik perayu, didapati dadah di dalamnya. Berdasarkan SP5 dan SP6 iaitu rakan serumah perayu, flat tersebut terdapat tiga bilik dan mereka menghuni setiap bilik seorang. Oleh itu dadah yang ditemui dalam bilik perayu adalah dalam pemilikan, kawalan dan dalam pengetahuan perayu kerana tiada orang lain yang memasuki bilik perayu walaupun bilik perayu tidak dikunci; G H

(iii) berdasarkan fakta kes, elemen pengedaran telah dibuktikan berdasarkan definasi s 2 Akta iaitu membawa dan menyimpan di mana perayu telah ditangkap semasa membawa P10A di dalamnya terdapat dadah seperti yang dipertuduhkan dan perayu juga didapati menyimpan dadah dalam beg P12A dalam bilik tidur nombor tiga yang disewanya; I

(iv) dadah yang dimiliki dalam jumlah yang banyak, berdasarkan *common sense approach* adalah sesuatu yang tidak disangkal bahawa dadah-dadah

tersebut adalah bertujuan untuk pengedaran (merujuk: *Mohamad Yazri bin Minhat v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 241 di ms 250; [2003] 2 CLJ 65 di ms 75);

(v) keterangan SP3 menunjukkan ketika beliau sampai ditempat kejadian, SP3 melihat dengan jelas perayu sedang menjinjit satu beg kain warna putih-oren ('P10A') ditangannya. Selepas perkenalkan diri sebagai polis, beg P10A terus dirampas dari perayu. Selepas diperiksa, dijumpai dua ketulan mampat dedaun kering dibaluti kertas timah;

(vi) selepas menangkap perayu, perayu kemudiannya telah membawa SP3 dan anggotanya ke rumah perayu di alamat C1-L3-06 yang terletak lebih kurang sepuluh meter dari tempat perayu ditangkap. Di sana, perayu telah menunjukkan bilik nombor tiga dan dari dalam bilik itu telah dijumpai satu beg coklat ('P12A') yang di dalamnya terdapat empat ketulan mampat dedaun kering yang dibaluti kertas timah disyaki ganja. Juga, dijumpai dua paket plastik lutsinar berisi dedaun kering;

(vii) HMT tidak meragui akan keterangan dari saksi penting pendakwaan ini (SP3). HMT berpendapat, tiada sebab dan faedahnya untuk saksi ini mereka cerita. SP3 tidak mengenali perayu. Mereka tidak pernah berjumpa. Serbuan pun dilakukan hasil maklumat dari orang awam. Jadi, keterangan dari SP3 itu jelas merupakan keterangan dari pihak yang 'neutral' dan tidak berat sebelah;

(viii) kesemua barang kes yang berkaitan dengan dadah tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa dan hasilnya, Ahli Kimia (SP2) mengesahkan ia sebagai dadah berbahaya iaitu cannabis masing-masing seberat 1,433g dan 854.57g;

(ix) berkenaan bahan yang dijumpai di dalam kedua-dua beg (P10A) dan (P12A), adalah dadah jenis dan berat berdasarkan laporan kimia P17 seperti dalam pertuduhan dan perayu juga telah gagal menimbulkan keraguan bahawa kandungan dadah yang dijumpai di dalam beg kain P10A dan beg dari dalam biliknya itu P12A bukan dari jenis dadah yang disenaraikan di bawah Jadual Akta;

(x) perbuatan perayu itu jelas terjumlah kepada perbuatan mengedar kerana dengan kuantiti yang sebegitu banyak, tidak mungkin ia untuk kegunaan sendiri. Ia turut memberi satu inferens bahawa ia diniatkan untuk tujuan jualan atau pengedaran. Ini sebagaimana diputuskan oleh Hakim Diplock di dalam kes *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor; Koh Chai Cheng v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64;

(xi) fakta dan keterangan jelas membuktikan bahawa perayu telah mengedarkan dadah jenis cannabis berjumlah 1,433g dan 854.57g yang jelas melebihi berat yang diperuntukkan di bawah s 37(da)(vi) Akta; dan

(xii) juga, terdapat keterangan langsung (*direct evidence*) di dalam kes ini yang menunjukkan perayu melakukan perbuatan pengedaran sebagaimana yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta, iaitu membawa dan menyimpan dadah-dadah tersebut bagi tujuan untuk diedarkan. Perbuatan serta kepada perbuatan pengedaran secara langsung seperti yang ditakrifkan di bawah s 2 Akta.

KES PEMBELAAN

[16] Perayu telah memberikan keterangan pembelaan secara bersumpah dari kandang saksi ('SD1') dan membawa seorang saksi bebas iaitu SD2. Secara ringkasnya, intipati keterangan perayu adalah:

Keterangan Pembelaan terhadap Pertuduhan pertama

(i) dadah di dalam beg P10A adalah kepunyaan Tarmizi bin Abdul Rahim atau Mizi ('Tarmizi'). Dia merupakan rakan sekerja Kastam di shiff yang sama dengan perayu di bahagian *scanner* di KLIA 2. perayu membawa dadah tersebut atas arahan Tarmizi untuk menyerahkan kepada kawan Tarmizi yang menunggu dalam kereta Vios berhampiran tong sampah di bawah kawasan flat kediaman perayu;

(ii) dadah tersebut telah ditinggalkan oleh Tarmizi sebelum perayu ditangkap apabila Tarmizi datang bermalam dirumahnya. perayu menyatakan bahawa beg P10A adalah telah dibawa oleh Tarmizi sehari sebelum kejadian. perayu tidak tahu isi kandungan beg tersebut dan tidak tahu kepunyaan siapa barangan di dalam beg tersebut;

(iii) beg PERDA (P10A) tersebut telah ditinggalkan di tepi TV di rumah perayu. Terdapat barang di dalam beg PERDA (P10A) tersebut;

(iv) perayu tidak mengetahui isi kandungan beg P10A semasa beg tersebut dijinjit kerana diikat dan dia tidak nampak isi kandungannya;

(v) beg yang hendak diserahkan kepada kawan Tarmizi dalam keadaan berikat. perayu tidak membukanya sebab kawan Tarmizi sedang tunggu; dan

(vi) perayu adalah *innocent carrier* semasa ditangkap kerana tidak mengetahui isi beg yang dibawanya.

Keterangan Pembelaan terhadap Pertuduhan kedua

(i) semasa SP3 dan pasukannya memasuki rumah perayu,

(ii) tidak mengetahui bahawa dadah dalam beg Louis Vutton (P12A) ditemui oleh SP3 didalam biliknya;

(iii) SP5 dan SP6 adalah penyewa dua bilik lagi dalam unit yang disewa oleh Peryau;

(iv) perayu tidak pernah mengunci biliknya (bilik nombor 3) kerana tandas berada di biliknya sekiranya perlu sesiapa untuk menggunakan tandas;

(v) perayu juga tidak pernah mengunci biliknya kerana tiada terdapat barang berharga di dalam bilik tersebut;

(vi) terdapat seorang lagi yang selalu keluar-masuk ke rumah tersebut, iaitu Tarmizi. Dia merupakan rakan sekerja Kastam di shiff yang sama dengan perayu di bahagian *scanner* di KLIA 2. Dia tinggal di Taman Langat Murni juga, berhampiran dengan rumah sewa perayu dan Tarmizi kerap datang ke rumah perayu setiap kali cuti dalam tempoh sebulan perayu menyewa di situ. Tarmizi selalu bermalam di rumah sewa perayu, tidur di hadapan TV di ruang tamu bersama-sama perayu. Tarmizi ada datang ke rumah perayu sehari sebelum perayu ditangkap iaitu pada 29 September 2016. Pada hari tersebut Tarmizi tengok TV. perayu tidak perasan ada apa-apa barang yang dibawa oleh Tarmizi ke rumahnya;

(vii) tiada orang lain yang mempunyai akses kepada rumah tersebut selain Tarmizi atau yang dipanggilnya sebagai Mizi dan kedua-dua SP5 dan SP6;

(viii) perayu tidak pernah mengunci biliknya kerana tiada terdapat barang berharga di dalam bilik tersebut; dan

(ix) perayu menyatakan dia tidak tahu beg dalam gambar 2 ('P12A') kepunyaan siapa. Dia tidak nampak siapa yang membawa masuk beg tersebut. Dia juga menyatakan bahawa dia tidak nampak di mana polis menjumpai beg tersebut dan pihak polis tidak menunjukkan kepadanya di mana beg tersebut dijumpai. Pihak Polis juga tidak menunjukkan beg tersebut kepada perayu sewaktu di balai.

DAPATAN DI AKHIR KES PEMBELAAN

[17] HMT telah meneliti dan menilai keterangan yang telah disampaikan oleh perayu dan mendapati versi perayu ini melalui keterangan pembelaannya telah gagal untuk menimbulkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan. HMT berpendapat keterangan pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan, malah selepas menilai keterangan secara keseluruhannya, HMT mendapati versi pembelaan oleh perayu tidak dapat menyanggah keterangan prima facie ke atasnya. Pembelaan yang dikemukakan, lebih merupakan penafian kosong (*bare denial*) dan juga berbentuk fikiran kemudian (*afterthought*) semata-mata. Oleh itu pendakwaan telah membuktikan pertuduhan melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu.

[18] Alasan yang dinyatakan oleh HMT untuk menyokong dapatan tersebut adalah:

(a) pembelaan perayu tidak disokong (*uncorroborated*) dengan keterangan;

(b) pembelaan yang dikemukakan adalah berupa keterangan yang difikirkan semula (*afterthought*) serta penafian semata-mata yang tidak disertai dengan bukti kukuh. Oleh kerana kes pembelaan hanya sekadar

penafian semata-mata, ia tidak dapat membantu perayu. HMT merujuk kepada kes *Public Prosecutor v Ku Lip See* [1981] 1 MLJ 258;

(c) keterangan perayu juga tidak disokong oleh lain-lain saksi kecuali saksi SD2, namun keterangan SD2 yang isi keterangannya tidak membantu langsung kes perayu (rujuk kes *Public Prosecutor v Lim Hock Boon* [2009] 3 MLJ 604; [2009] 1 CLJ 400);

(d) HMT berpendapat segala keterangan yang diberikan oleh perayu tentang Tarmizi, aplikasi *wechat* dan sebagainya adalah keterangan yang difikirkan semula yang direka-reka oleh perayu. Penama Tarmizi ini juga tidak pernah pada bila-bila masa dikemukakan ke mahkamah. Walaupun tiada nas undang-undang yang mewajibkan perayu mengemukakan Tarmizi, tetapi sudah pasti ia akan dapat membantu perayu di dalam menyokong pembelaannya. Kegagalan dipihak perayu untuk menampilkan Tarmizi ke mahkamah telah meninggalkan kesan bahawa watak tersebut sengaja direka (*fictitious*) semata-mata bagi melepaskan dirinya dari pertuduhan;

(e) jika diperhalusi akan intipati keterangan pembelaan, nampak jelas yang perayu hendak mempertanggungjawabkan kesalahan seperti di dalam pertuduhan-pertuduhan ke atas Tarmizi. Namun tiada usaha dibuat untuk membawa Tarmizi sebagai saksi. Berdasarkan itu HMT berpendapat watak Tarmizi adalah hanya satu watak yang *fictitious*, sengaja direka khusus untuk menyelamatkan perayu. Tidak ada usaha yang ditunjukkan bagi mengesan Tarmizi. Keterangan Tarmizi adalah sangat penting bagi menyokong keterangan pembelaannya;

(f) selanjutnya diperingkat kes pendakwaan, pegawai penyiasat kes SP7 menyatakan bahawa di sepanjang siasatan beliau, penama Tarmizi tidak pernah ditimbulkan oleh perayu kepadanya;

(g) keterangan pembelaan perayu adalah tidak munasabah dan segalanya dipertanggungkan kepada Tarmizi sebagai pelaku jenayah yang sebenar. Namun teras pembelaannya itu gagal;

(h) perayu sememangnya tahu dan menyedari isi kandungan beg kain (P10A) yang dijinjitnya yang di dalamnya terdapat dadah-dadah berbahaya dan perayu memilikinya bertujuan untuk pengedaran. Perayu juga mengetahui akan isi kandungan beg yang dijumpai/dirampas dari bilik nombor tiga iaitu biliknya yang turut mengandungi dadah juga; dan

(i) HMT berpendapat pembelaan yang dikemukakan itu adalah sesuatu yang tidak munasabah dan tidak 'credible'.

A RAYUAN

[19] Perayu mengemukakan lapan alasan dalam petisyen rayuan bahawa HMT telah terkhilaf dan segi fakta dan undang-undang:

B (i) apabila memutuskan pihak pendakwaan pada masa itu telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu;

(ii) apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen milikan dan pengetahuan perayu terhadap dadah-dadah berbahaya bagi kedua-dua pertuduhan;

C

(iii) apabila telah gagal untuk berhati-hati dalam menerima keterangan SP3 yang bergantung kepada maklumat 'tip-off' daripada informan awam/sumber;

D (iv) apabila tidak membuat apresiasi fakta bahawa bilik nombor tiga di rumah tempat kejadian tidak berkunci, terbuka dan sesiapapun mempunyai akses;

(v) apabila turut bergantung kepada s 27 Akta Keterangan 1950 sedangkan 'pre-condition' penggunaan s 27 ini jelas tidak dipenuhi;

E

(vi) apabila menolak pembelaan perayu;

(vii) apabila memutuskan pihak pendakwaan pada masa itu telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah; dan

F (viii) apabila mensabitkan perayu seperti mana kedua-dua pertuduhan.

ANALISA DAN KEPUTUSAN KAMI

Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu

G

[20] Alasan rayuan (i), (ii), (iii), (iv) dan (v) adalah alasan berkaitan sama ada pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie, oleh itu akan dipertimbangkan serentak.

H

[21] Berdasarkan keputusan dalam kes-kes terdahulu, keperluan yang perlu dipenuhi untuk kesalahan pengedaran dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta adalah: (i) dadah yang dipersoalkan adalah dadah berbahaya seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta; (ii) dadah yang dipersoalkan adalah dalam pemilikan perayu apabila dibuktikan dadah adalah di bawah jagaan, kawalan dan pengetahuan perayu; dan (iii) perayu mengedar dadah yang dipersoalkan. Pengedaran boleh dibuktikan dengan keterangan langsung berdasarkan tafsiran pengedaran atau *trafficking* di bawah s 2 Akta atau anggapan di bawah s 37(da) Akta.

I

[22] Apabila seseorang didapati dalam milikannya sejumlah besar dadah berbahaya andaian lojik adalah untuk tujuan pengedaran, seperti anggapan di bawah s 37(da) Akta (lihat: *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor; Koh Chai Cheng v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181; *Mohamad Yazri bin Minhat v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 241; [2003] 2 CLJ 65).

[23] Dalam rayuan ini, kami bersetuju dengan HMT bahawa jenis dadah dan berat dadah telah dibuktikan berdasarkan keterangan Pegawai Kimia, SP2, yang disokong oleh laporan kimia P17. Analisis SP2 telah tidak dicabar oleh itu kredibiliti analisis yang dibuat oleh SP2 tidak terjejas. HMT telah mengguna pakai prinsip yang telah digariskan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85. Begitu juga dengan rantaian barang kes yang tidak terputus. Dadah yang dikemukakan di mahkamah adalah dadah yang sama semasa rampasan dibuat oleh pihak polis.

[24] Berdasarkan keterangan, elemen pengedaran telah dibuktikan berdasarkan definasi s 2 Akta iaitu membawa dan menyimpan di mana perayu telah ditangkap semasa membawa P10A di dalamnya terdapat dadah seperti yang dipertuduhkan dan perayu juga didapati menyimpan dadah dalam beg P12A dalam bilik tidur nombor tiga yang disewanya. Seksyen 2 memperuntukkan seperti berikut:

> 'trafficking' includes the doing of any of the following acts, that is to say, manufacturing, importing, exporting, *keeping*, concealing, buying, selling, giving, receiving, storing, administering, transporting, *carrying*, sending, delivering, procuring, supplying or distributing any dangerous drug otherwise than under the authority of this Act or the regulations made under the Act;

[25] Tiada bukti bahawa perayu membawa atau menyimpan dadah-dadah yang dipertuduhkan di benarkan oleh peruntukan Akta sebagaimana yang dibenarkan berdasarkan tafsiran di atas.

[26] Oleh kerana jumlah dadah yang banyak seperti berat yang dinyatakan dalam kedua-dua pertuduhan, anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(vi) adalah terpakai, di mana dalam setiap pertuduhan dalam kes ini berat dadah (cannabis) adalah melebihi 200g.

Pertuduhan pertama

Maklumat dari informan awam/sumber ('sumber')

[27] Alasan utama rayuan terhadap pertuduhan pertama ialah adanya kelompangan dalam kes pendakwaan apabila pendakwaan tidak memanggil sumber untuk memberi keterangan bagi pihak pendakwaan atau menawarkannya kepada perayu.

[28] Bagi pertuduhan pertama, adalah menjadi fakta yang tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan bahawa perayu telah menjinjit beg P10A semasa perayu ditahan oleh SP3 di mana di dalamnya terdapat dua ketulan mampat cannabis seperti dalam pertuduhan pertama. Di dalam kes ini SP3 telah bertindak berdasarkan maklumat yang diberikan oleh informan awam/sumber (*tip-off information*). Perayu berhujah bahawa mahkamah seharusnya berhati-hati (*cautious*) dalam mempertimbangkan penerimaan maklumat berbentuk *tip-off* ini untuk mengelakkan sebarang bentuk penganiayaan terhadap perayu. perayu selanjutnya berhujah bahawa dalam alasan penghakiman hakim bicara, tiada sebarang indikasi bahawa hakim bicara sedar akan bahayanya maklumat *tip-off* ini dan menyatakan bahawa mahkamah wajar lebih berhati-hati dalam memperhalusi fakta kes yang diasaskan oleh maklumat *tip-off* ini. Malahan, hakim bicara tidak langsung menyentuh atau membuat dapatan di dalam alasan penghakimannya tentang isu berkenaan informan awam/sumber ini. Ini kerana maklumat yang diberikan oleh informan awam/sumber itu amatlah tepat sehingga membawa SP3 untuk membuat pemerhatian selama 30 minit di satu kawasan tong sampah di kawasan rumah flat tersebut (tempat kejadian). Berdasarkan fakta ini hujah peguam, ianya memperlihatkan bahawa informan awam/sumber tersebut sangat pasti suspek pengedar dadah akan melalui jalan tersebut pada hari itu. Keterangan SP3 semasa disoal balas oleh peguam perayu seperti berikut:

> M: Masa serbuan tu, sumber ada sekali kan?
>
> J: sumber ada tapi jauh, kawasan berdekatan.
>
> M: Keterangan kamu banyak kebetulan masa, tempat, orang. Apa sumber bagitahu kepada kamu?
>
> J: Sebab sebelum tu sumber cakap masa dia time tu. Sebelum kejadian ni saya dah hantar satu team masa yang sama juga tapi takda, sumber suruh try lagi sekali lagi, sumber pun ada berdekatan jadi bila keluar saja sumber bagitahu itu suspek dia.
>
> M: Jadi semuanya ada komunikasi, kamu jawab TIDAK.

[29] Berdasarkan keterangan di atas peguam berhujah bahawa informan awam atau sumber tersebut telah memainkan peranan yang sangat aktif di dalam kes ini sehinggakan sumber dapat menyakinkan SP3 untuk bertindak kali kedua untuk menangkap perayu. Oleh itu hujahan peguam perayu bahawa sumber ini tidak boleh mendapat perlindungan di bawah s 40 Akta. Penglibatan sumber yang terlampau aktif menyebabkan dia telah hilang perlindungan tersebut. Hujah peguam lagi penglibatan sumber ini saling tak tumpah seperti agen provokator ('AP') walaupun peguam mengakui dalam kes ini tiada peranan AP. Berdasarkan itu sumber ini hendaklah dipanggil sebagai saksi atau sekurang-kurangnya ditawarkan kepada pembelaan. Peguam perayu berhujah bahawa anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai jika sumber ini tidak dipanggil kerana hanya dengan kehadiran

sumber ini sahaja dihujahkan ianya dapat merungkai naratif kes pihak pendakwaan.

[30] Seksyen 40 Akta memperuntukkan seperti berikut:

> 40 Protection of informers
>
> (1) Except as hereinafter provided, no complaint as to an offence under this Act shall be admitted in evidence in any civil or criminal proceeding whatsoever, and *no witness shall be obliged or permitted to disclose the name or address of any informer*, or state any matter which might lead to his discovery.

[31] Pemakaian dan tafsiran s 40 Akta telah dibuat oleh Mahkamah Agung melalui penghakiman Mohd Azmi HMA dalam *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ Rep 221. Kami berpendapat walaupun HMT tidak menimbangkan isu ini dalam penghakimannya, ini tidak sama sekali menjejaskan dapatan HMT di peringkat kes pendakwaan kerana informer atau sumber ini bukanlah saksi yang material kepada kes pendakwaan. Berdasarkan nas-nas yang jelas yang telah diputuskan di antaranya melalui penghakiman Mohd Azmi HMA dalam *Munusamy* yang menyatakan di (ms 493–494 perenggan I-F dan ms 494 perenggan H-B; (MLJ)); (ms 223 perenggan d-h dan ms 224 perenggan b-c; (CLJ)) seperti berikut:

> Before us the conviction is being attacked on five main grounds. The argument on the first three grounds revolves on the provision of adverse inference under s 114(g) Evidence Act 1950 on (a) the unknown informer; ... . It is essential to appreciate the scope of s 114(g) lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, or for non-production of not just any witness but an important and material witness to the case.
>
> We shall deal with the first ground which concerns the informer, who had introduced DPC Lian to the appellant a day before the accused was arrested. Section 40(1) Dangerous Drugs Act gives protection against discovery not only to an informer, but also to any complaint lodged as to an offence under the Act in both criminal and civil proceedings. However, the court has a discretion to remove the protection in certain circumstances under s 40(3) which provides:
>
> > (3) *If on trial for any offence under this Act the court, after full inquiry into the case, is of opinion that the informer wilfully made in his complaint a material statement which he knew or believed to be false* or did not believe to be true, or if in any other proceeding the court is of opinion that justice cannot be fully done between the parties thereto without the discovery of the informer, *the court may require the production of the original complaint*, if in writing, *and permit inquiry* and *require full disclosure concerning the informer*.

A ... . In his frame-up defence, the appellant and his wife sought to prove that the informer with DPC Lian had participated in the crime by placing the two packages of cannabis on the carrier of his bicycle without his knowledge. The trial Judge rejected the frame-up story allegedly committed by the informer and DPC Lian. It is now put in argument before us that the learned Judge was wrong in law in failing B to conclude that the failure to call the informer as a witness would attract the adverse inference against the prosecution under s 114(g) Evidence Act. *Obviously the provision of s 114(g) cannot be misused in that fashion for the purpose of overcoming the statutory protection given to informers by s 40(1) Dangerous Drugs Act. Further it must be noted that no application was made during the trial for the exercise of the court's discretion under* s 40(3). Indeed, its provision was not even referred to the court. Be C that as it may, for reason already stated we are not persuaded that the provision relied upon can be applied in this case.

Seterusnya di (perenggan E; (MLJ)); (di perenggan c; (CLJ)) Mohd Azmi D HMA menyatakan seperti berikut:

... . In the instant case the protection under s 40(1) clearly applies since the evidence showed that all the informer did was to accompany DPC Lian on the 14 and introduce him to the appellant. Accordingly there is no merit in the argument that the learned Judge ought to have invoked the adverse presumption under s 114(g).

E

[32] Dalam rayuan di hadapan mahkamah ini peranan informan awam/sumber adalah sumbangan tidak aktif. Informan awam/sumber hanyalah pemberi maklumat mengenai perayu yang akan berada di tempat kejadian (di tepi Jalan Murni 2/2, Taman Langat Murni berdekatan tong F sampah), yang diberitahu terus kepada SP3 dan tiada keterangan ada hubungan lain selepas itu atau apa-apa perkara lain yang melibatkan informan awam/sumber berkaitan dengan tangkapan perayu. Peguam perayu juga mengakui dalam hujahan bertulisnya bahawa informan awam/sumber tersebut bukanlah AP. Dalam kes ini kami berpendapat s 40(1) Akta Keterangan 1950 G adalah terpakai kepada informan awam/sumber berdasarkan fakta kes ini. Oleh itu HMT tidak perlu menggunakan s 114 (g) Akta Keterangan 1950 terhadap pendakwaan kerana tidak membawa informan awam/sumber sebagai saksi atau menawarkannya kepada perayu. Kegagalan mengarahkan minda mengenai informan awam/sumber ini seperti yang dihujahkan oleh peguam, H pada pendapat kami tidak menggugat dapatan HMT diperingkat kes pendakwaan.

[33] Melalui penghakiman Zulkefli Makinudin HMP dalam kes *Wan Yurillhami bin Wan Yaacob & Anor v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 749; I [2010] 1 CLJ 17 Mahkamah Persekutuan dengan tegasnya menyatakan jika seseorang hanya merupakan *informer*, pendakwaan tidak perlu memanggilnya sebagai saksi atau menawarkannya kepada pembelaan. Seseorang *informer* dilindungi di bawah s 40 Akta. *Wan Yurillhami* memetik *Munusamy* dan kes-kes lain yang pernah diputuskan mengenai isu ini. Oleh itu alasan yang

dibangkitkan oleh perayu dalam rayuan ini adalah tidak bermerit dan tidak menggangu dapatan kes prima facie di peringkat kes pendakwaan.

Elemen milikan dan pengetahuan perayu terhadap dadah

[34] Alasan utama kedua rayuan bagi pertuduhan pertama ialah pendakwaan tidak membuktikan pemilikan oleh perayu kerana perayu adalah *innocent carrier.* perayu tidak tahu apa yang terkandung dalam P10A.

[35] Berdasarkan keterangan SP3, sebelum ditangkap oleh SP3, perayu dilihat datang dari rumah pangsa ke tepi jalan berseorangan sedang menjinjit beg kain warna putih-oren tertulis PERDA ('P10A'). SP3 melihat dengan jelas perayu sedang menjinjit beg tersebut di tepi jalan. Selepas SP3 perkenalkan diri sebagai polis, beg kain itu (P10A) terus dirampas dari perayu. Selepas diperiksa, dijumpai dua ketulan mampat dedaun kering dibaluti kertas timah.

[36] Kami juga bersetuju dengan dapatan HMT bahawa perayu mempunyai pengetahuan mengenai isi beg yang dibawanya adalah dadah berbahaya. Ini disokong oleh keterangan SP3 bahawa semasa ditangkap, perayu terkejut, dadah dijumpai dalam beg yang sedang dijinjit oleh tangan kanan perayu dan perayu berseorangan di tepi jalan raya. Di dalam beg tersebut terdapat dua ketul balutan kertas timah di dalamnya terdapat dadah jenis cannabis. Menurut SP3, apabila dibuka sahaja beg terus nampak dadah dalam balutan kertas timah. Semasa ditangkap dadah dalam beg P10A berada di tangan perayu dan beg P10A adalah jenis kain dan tanpa zip, oleh itu perayu boleh melihat isi kandungan beg yang di bawanya. Oleh itu dadah berada dalam kawalan, jagaan dan pengetahuan perayu.

[37] Berdasarkan keterangan di atas kami bersetuju dengan hujahan responden bahawa tanpa menggunakan anggapan pengetahuan di bawah s 37(d) Akta, gerak geri dan tingkah laku perayu semasa ditangkap merupakan keterangan langsung (*direct evidence*) dan menunjukkan perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Abdul Rahman Aktif* mengguna pakai prinsip di dalam kes *Tan Ah Tee & Anor v Public Prosecutor* [1980] 1 MLJ 49 yang memutuskan:

> Indeed, even if there were no statutory presumptions available to the prosecution, once the prosecution had proved the fact of physical control or possession of the plastic bag and the circumstances in which this was acquired by and remained with the second appellant, the trial judges would be justified in finding that she had possession of the contents of the plastic bag within the meaning of the Act unless she gave an explanation of the physical fact which the trial judges accepted or which raised a doubt in their minds that she had possession of the contents within the meaning of the Act.

[38] Berdasarkan alasan di atas kami dapati HMT telah membuat keputusan yang betul apabila memutuskan bahawa dadah adalah berada dalam jagaan, kawalan dan pengetahuan perayu semasa ditangkap. Oleh itu elemen pemilikan telah dibuktikan.

Pertuduhan kedua

Pemakaian s 27 Akta Keterangan 1950

[39] Peguam perayu berhujah bahawa keterangan untuk pertuduhan kedua telah diperolehi melalui 'leading to discovery' di bawah s 27 Akta Keterangan 1950.

[40] Adalah fakta yang tidak dinafikan bahawa SP3 dan pasukan telah dibawa oleh perayu ke rumah tempat kejadian dan seterusnya SP3 telah menjumpai satu beg coklat berjenama 'Louis Vuitton' (P12A) di dalam bilik tertuduh yang di dalamnya terdapat dadah berbahaya seperti pertuduhan kedua. Oleh itu peguam perayu membangkitkan sama ada pra syarat pemakaian s 27 telah dipenuhi oleh pihak pendakwaan melalui SP3 pada masa kejadian. Di dalam laporan polis SP3 ('P22') di dapati SP3 telah membacakan amaran kepada perayu semasa menahan perayu. Namun di dalam keterangan bersumpah SP3 di mahkamah, tiada keterangan bahawa SP3 telah membacakan amaran kepada perayu. Hujah peguam perayu lagi jikalaupun SP3 ada membacakan amaran kepada perayu, isunya di sini adalah adakah perayu faham makna dan maksud amaran tersebut? Adakah perayu telah dimaklumkan dan difahamkan bahawa dia boleh berdiam diri dan tidak menjawab apa-apa soalan yang ditanyakan selepas amaran dibacakan. Maklumat yang dikatakan oleh SP3 telah diperolehi daripada perayu juga tidak direkodkan dalam 'actual words' yang benar-benar disampaikan oleh perayu pada masa itu. Tidak terdapat apa-apa keterangan yang menunjukkan bahawa percakapan perayu direkodkan di dalam apa-apa bentuk 'contemporaneous record'. Oleh itu peguam perayu berhujah bahawa keterangan pandu arah perayu di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 tidak boleh digunakan sebagai keterangan kerana ianya jelas tidak mematuhi pra-syarat yang dikehendaki oleh undang-undang. Berdasarkan itu peguam perayu menghujahkan bahawa maklumat-maklumat yang diberikan oleh perayu kepada SP3 mengenai dadah dalam biliknya bukan keterangan di bawah s 27 Akta Keterangan 1950 kerana pra-syarat pemakaiannya telah tidak dipatuhi. Alasan yang diutarakan oleh peguam perayu adalah:

(a) tiada amaran diberikan kepada perayu sebelum maklumat-maklumat tersebut diperolehi oleh perayu; dan

(b) tiada sebarang catatan sebenar yang dibuat oleh SP3 untuk memastikan perkataan sebenar yang diberikan oleh perayu.

[41] Seksyen 27 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti berikut:

> 27 How much of information received from accused may be proved
>
> (1) *When any fact is deposed to as discovered in consequence of information received* from a person accused of any offence *in the custody of a police officer*, so much of that information, *whether the information amounts to a confession or not, as relates distinctly to the fact thereby discovered may be proved*.

[42] Pendakwaan berhujah bahawa pra syarat s 27 Akta Keterangan 1950 telah dipenuhi bagi membolehkan keterangan SP3 diterima masuk terutama selepas perayu ditangkap oleh SP3 yang seterusnya membawa SP3 dan pasukan polis ke rumah sewa yang terletak berhampiran dengan tempat tangkapan. perayu juga telah menunjukkan bilik nombor tiga iaitu bilik perayu kepada SP3 yang kemudiannya dadah bagi pertuduhan kedua ditemui. Selain itu, dalam keterangan pembelaannya, perayu mengaku bahawa beliaulah yang menunjukkan rumah sewa tersebut kepada pihak polis. Dalam kes ini maklumat tentang bilik nombor tiga di mana dadah ditemui diberikan oleh perayu selepas perayu ditangkap pihak polis dan maklumat tersebut tiada di dalam pengetahuan SP3 atau mana-mana pegawai polis ketika itu.

[43] Nordin Hassan HMR dalam kes *Shohel lwn Pendakwa Raya* [2022] MLJU 3065; [2022] 1 LNS 2812, menyatakan bahawa tiada sebarang keperluan untuk amaran diberikan sebelum maklumat berkaitan diterima sebagai keterangan. Apa yang penting, maklumat yang secara langsung telah membawa kepada penemuan itu sahaja yang boleh diterima oleh mahkamah. Dipetik perenggan 14 penghakiman seperti berikut:

> [14] Pertamanya, peruntukan s 27 di atas adalah jelas bahawa maklumat yang diberikan oleh seseorang yang dituduh dengan sesuatu kesalahan dan dalam tahanan pihak polis yang membawa kepada sesuatu penemuan boleh dibuktikan dan diterima oleh mahkamah. *Tiada sebarang keperluan untuk amaran diberikan sebelum maklumat berkaitan diterima sebagai keterangan*. Apa yang penting, maklumat yang secara langsung telah membawa kepada penemuan itu sahaja yang boleh diterima oleh mahkamah. Maklumat ini tidak termasuk maklumat yang telah terlebih dahulu diketahui oleh pihak polis. Pemakaian s 27 ini telah banyak dijelaskan dalam nas undang-undang termasuk oleh mahkamah atasan di negara ini. (Penekanan ditambah.)

[44] Berdasarkan nas di atas kami berpendapat hujahan peguam perayu adalah tidak bermerit.

[45] Jagaan, kawalan dan pengetahuan perayu terhadap dadah dalam P12A juga disokong oleh keterangan SP5 penghuni bilik nombor dua dan SP6 penghuni bilik nombor satu di unit sama di mana perayu tinggal sejak 2016. Kedua-dua mereka mengesahkan perayu tinggal menyewa di dalam bilik

nombor tiga di mana dadah dijumpai. Kadar sewa masing-masing adalah RM100 sebulan. SP5 dan SP6 mengesahkan tiada orang lain yang masuk ke dalam rumah tersebut. SP5 dan SP6 tidak pernah masuk ke bilik perayu walaupun semasa ketiadaan perayu. SP5 mengesahkan hanya perayu seorang tinggal dalam bilik nombor tiga. SP5 mengesahkan dalam tempoh sebulan menyewa (sebelum ditangkap), SP5 tidak pernah melihat mana-mana kawan perayu masuk ke dalam rumah.

[46] SP5 mengecam kunci gril P13 yang diambil dari poket seluar perayu oleh SP3 untuk membuka gril rumah tersebut. SP5 mengesahkan rumah tersebut mempunyai dua kunci SP5 dan SP6 berkongsi kunci kerana bekerja shift yang sama iaitu siang, manakala kunci rumah yang satu lagi dipegang oleh perayu.

[47] SP6 mengesahkan pada hari kejadian, beliau menyerahkan kunci rumah kepada perayu. Selepas perayu ditangkap, SP6 tidak dapat masuk ke dalam rumah kerana tiada kunci dan terpaksa menunggu SP5 balik dari kampung untuk memasuki rumah tersebut.

[48] Semasa dadah dijumpai di dalam beg coklat (P12A) didalam bilik nombor tiga, SP3 menyatakan tiada orang lain di dalam rumah tersebut.

[49] Kami berpendapat kesemua keterangan di atas menunjukkan tiada orang lain yang mempunyai akses ke rumah sewa tersebut melainkan perayu dan dua rakan serumah iaitu SP5 dan SP6. Rumah tersebut juga mempunyai kunci yang hanya mereka bertiga yang mempunyai akses. Keterangan menunjukkan SP5 dan SP6 tidak pernah memasuki bilik nombor tiga walaupun semasa ketiadaan perayu. Oleh itu pihak pendakwaan berjaya membuktikan perayu mempunyai milikan, kawalan dan pengetahuan mengenai dadah yang dijumpai di dalam bilik nombor tiga.

[50] Mahkamah Rayuan di dalam kes *Yeong Choong Hin v Pendakwa Raya* [2016] MLJU 1748 menyatakan seperti berikut:

> Learned counsel contended that the appellant did not have exclusive possession, control or custody of the drugs found in room 1 as John JB stayed in the said room. We would for clarity emphasize that it is an incorrect perception to say that the prosecution's case against the appellant should fail where it could be shown that he did not have 'exclusive' possession of the drugs. *We would not for a moment hesitate to hold that if the appellant had possession of the drugs, that would suffice, there is no need for there to be exclusivity of possession of the same*. It is either the appellant had or did not have possession of the impugned drugs. We think that the Federal Court's rendition of the term 'exclusive possession' in the case of *Public Prosecutor v Denish a/l Madhavan* [2009] 2 MLJ 194; [2009] 2 CLJ 209, would be applicable to this appeal. We reproduce the relevant excerpt from the decision in that case below:

> Before proceeding to consider the reasons for the Court of Appeal's decision, we will say a few words about 'exclusive' possession. It is inappropriate to speak of possession of an article in crimina/law as exclusive possession. One is either in possession or not in possession, although one could be in possession jointly with another or others. To say that the prosecution of a drug case fails because there had been no proof of exclusive possession is apt to convey the wrong impression that it is only in cases where possession is entirely with one person, — that is 'exclusive' — that a conviction is possible. When the learned trial judge said 'The accused sought to negative the proof of exclusive possession ...' we take it that he meant no more than that the respondent sought to show that he was not in possession of the *drugs* because he had no knowledge of their existence and that the *drugs* could have been placed in his bags by some other person or persons.
>
> Thomson J, in *Chan Pean Leon v Public Prosecutor* [1956] 1 MLJ 237; [1956]1 LNS 17, said that 'possession' for the purposes of criminal law involves possession itself — which some authorities term 'custody' or 'control' — and knowledge of the nature of the thing possessed. As to possession itself he cited the following definition in *Stephen's Digest* (9th Ed) p 304), in which the exclusive element mentioned by Taylor J appears: A moveable thing is said to be in the possession of a person *when he is so situated with respect to it that he has the power to deal with it as owner to the exclusion of all other persons*, and when the circumstances are such that he may be presumed to intend to do so in case of need. (Penekanan ditambah.)

[51] HMT juga menerima SP3 sebagai saksi yang boleh dipercayai dan berpendapat tidak ada sebab untuk tidak mempercayai keterangan SP3. Kami di peringkat rayuan berdasarkan keterangan dalam rekod rayuan juga tiada sebab untuk berbeza dengan HMT.

[52] Berdasarkan alasan-alasan HMT yang telah kami teliti, kami dapati HMT telah membuat keputusan yang betul apabila memutuskan pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwaan setelah membuat penilaian secara maksima ke atas segala keterangan yang telah dikemukakan. Pendakwaan telah berjaya membuktikan segala intipati kedua-dua pertuduhan iaitu:

(a) dadah dirampas dadah berbahaya di bawah Akta;

(b) perayu mempunyai kawalan, jagaan dan pengetahuan terhadap dadah tersebut; dan

(c) perayu mengedar dadah tersebut.

Pembelaan perayu ditolak

[53] Kami membincangkan alasan (vi), (vii) dan (viii) serentak kerana berkaitan dengan pembelaan perayu. HMT telah menolak pembelaan perayu berdasarkan alasan-alasan berikut:

(a) pembelaan perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah;

(b) sangat lemah dan sukar diterima;

(c) tidak dapat menyanggah keterangan prima facie;

(d) penafian kosong dan *afterthought*. HMT telah merujuk kepada kes-kes: *DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195, *Public Prosecutor v Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16, *Mr Losali v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 694, *Public Prosecutor v Lim Hock Boon* [2009] 3 MLJ 604; [2009] 3 CLJ 430, *Megat Halim bin Megat Omar v Pendakwa Raya* [2008] MLJU 647; [2009] 1 CLJ 154 and *Public Prosecutor v Abdul Rahman bin Akif* [2007] 5 MLJ 1; [2007] 4 CLJ 337;

(e) pembelaan tidak disokong dengan bukti yang kukuh. (Rujuk kes: *Public Prosecutor v Ku Lip See*);

(f) tiada saksi lain yang ditampilkan oleh perayu kecuali SD2 yang tidak membantu kes pembelaan (rujuk kes: *Public Prosecutor v Lim Hock Boon*);

(g) kewujudan Tarmizi dan aplikasi wechat merupakan pembelaan fikiran kemudian (*afterthought*); dan

(h) Tarmizi tidak pernah dikemukakan sebagai saksi. Tarmizi adalah watak yang direka. perayu meletakkan kesalahan ke atas Tarmizi. Siapa Tarmizi tidak diketahui samada wujud atau rekaan.

[54] Perayu menyatakan dadah yang dirampas dari dalam beg bertulis PERDA (P10A) adalah kepunyaan seorang lelaki bernama Tarmizi yang merupakan rakan sekerja perayu yang bertugas di shift yang sama dengan perayu sebagai pegawai kastam di bahagian *scanner* di KLIA dan sering datang ke rumah perayu. Tarmizi tinggal di Taman Langat Murni, berhampiran dengan rumah sewa perayu. HMT mendapati watak Tarmizi hanya timbul semasa kes pembelaan. Tiada sebarang cadangan kepada mana-mana saksi pendakwaan berkenaan Tarmizi ini terutamanyakepada pegawai penyiasat (SP7) yang membolehkan penama Tarmizi ini disiasat oleh SP7 bagi membuktikan bahawa penama Tarmizi ini benar-benar wujud dan mempunyai kaitan dengan dadah yang dirampas dari perayu. Pembelaan juga tidak pernah menyoalbalas SP 5 dan SP 6 yang merupakan rakan serumah perayu mengenai kewujudan Tarmizi yang perayu kata sering datang ke rumah sewa perayu. Malah SP5 dan SP6 menafikan dengan tegas sepanjang mereka tinggal disitu bahawa terdapat rakan perayu atau mana-mana orang diajak oleh perayu datang ke rumah tersebut.

[55] Perayu memberi banyak maklumat tentang penama Tarmizi seperti nama penuh, tempat tinggal, tempat kerja dan sebagainya. Malah perayu juga mengenali rakan-rakan Tarmizi yang sering melepak bersama Tarmizi dan

perayu kerana rakan-rakan tersebut turut bekerja di tempat yang sama. Maklumat-maklumat ini sudah tentunya sangat bernilai kepada pembelaan perayu tetapi tidak diketahui mengapa perayu 'menjerat' dirinya sendiri dengan hanya memberi keterangan berkenaan penama Tarmizi hanya apabila perayu tampil memberi keterangan pembelaan yang sepatutnya dicadangkan kepada mana-mana saksi pendakwaan di peringkat kes pendakwaan. perayu mempunyai masa yang begitu panjang sejak dari ditangkap sehinggalah perbicaraan berlangsung untuk mengungkap fakta tentang kewujudan penama Tarmizi ini tetapi perayu tidak melakukannya atas sebab yang hanya diketahui oleh perayu sendiri. perayu mempunyai begitu banyak cara untuk membuktikan kewujudan Tarmizi. Malah perayu boleh juga meminta bantuan rakan-rakan lain ataupun keluarga perayu sendiri untuk mengesan Tarmizi tetapi ini langsung tidak dilakukan.

[56] Perayu telah memanggil SD2 yang sudah tentu diharap boleh membantu pembelaan perayu terutama tentang kewujudan watak Tarmizi. Di luar jangkaan, SD2 juga tidak dapat mengesahkan dakwaan perayu bahawa penama Tarmizi ini wujud. Keterangan SD2 begitu ringkas di mana SD2 menyatakan beliau tidak pasti berkenaan samada penama Tarmizi ini bekerja di Kastam yang mana SD2 menyatakan 'mungkin ada, mungkin tiada'. Perayu boleh sahaja menulis secara resmi kepada Jabatan Kastam meminta maklumat mengenai Tarmizi, tetapi ini tidak dilakukan.

[57] Semasa kes berlangsung juga, telah ditimbulkan tentang nilai dadah yang dirampas dari perayu dianggarkan sekitar RM5,000 ke RM10,000. Jika benar dadah-dadah yang dirampas tersebut adalah milik Tarmizi, apakah tujuan Tarmizi meninggalkan barang yang berharga begitu sahaja di rumah perayu yang bukan sahaja pintu kayu tidak berkunci malah bilik di mana dadah dijumpai juga tidak berkunci.

[58] perayu menyatakan bahawa dadah di dalam beg bertulis PERDA (P10A) ditinggalkan di ruang tamu di tepi TV, ini adalah tidak munasabah untuk Tarmizi meninggalkan dadah tersebut di ruang tamu kerana di rumah tersebut turut didiami oleh dua orang lagi iaitu SP5 dan SP6. Tidak munasabah untuk Tarmizi meninggalkan dadah tersebut secara semberono di ruang tamu kerana secara logiknya sudah tentuTarmizi akan berasa takut jika dadah tersebut dijumpai oleh SP5 dan SP6.

[59] Perayu seterusnya memberi alasan bahawa beliau menghantar dadah di dalam beg bertulis PERDA tersebut (P10A) kerana Termizi membuat kerja lebih masa pada hari kejadian. Walau bagaimanapun, keterangan perayu langsung tidak disokong oleh mana-mana saksi lain. Malah SD2 yang sepatutnya boleh membantu perayu dengan mengemukakan jadual kerja perayu ataupun Tarmizi juga tidak berbuat demikian.

[60] Isu-isu lain adalah berkaitan dengan telefon bimbit yang didakwa tidak disiasat kandungannya oleh SP7, tidak mencacatkan kes pendakwaan. Keterangan SP7 mengesahkan bahawa tiada sebarang maklumat yang diperolehi beliau bagi menjalankan siasatan terhadap telefon bimbit tersebut.

[61] Berdasarkan perbincangan mengenai keterangan di peringkat kes pembelaan di atas, kami bersetuju dengan HMT bahawa pembelaan perayu tidak menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan dan pihak pendakwaan telah membuktikan kedua-dua pertuduhan melampaui keraguan yang munasabah.

KESIMPULAN

[62] Berdasarkan alasan yang telah dihuraikan kami berpendapat sabitan terhadap perayu bagi kedua-dua pertuduhan adalah selamat. Oleh itu rayuan adalah ditolak dan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi terhadap kedua-dua pertuduhan adalah dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh